

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HMP 402 Aspek-Aspek Teori Linguistik Am
dan Penerapannya

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan dengan ringkas model teori "Syntactic Structures" dan huraikan perubahan yang telah berlaku kepada model ini apabila terbitnya "Aspects".
2. Pemikiran bahasa dalam tahun 1900-1956 boleh dianggap sebagai 'sealiran'. Bincangkan setiap cara baru melihat bahasa yang dianjurkan oleh tokoh-tokoh tertentu di dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan kefahaman mengenai bahasa pada waktu itu.
3. Menurut Ferdinand De Saussure sebarang perubahan bahasa mesti disebabkan oleh tradisi yang terdapat di dalam komuniti bahasa itu sendiri dan tidak sekali-kali disebabkan oleh pengaruh luar.
Dengan contoh perubahan bahasa yang sesuai, bincangkan pernyataan di atas dengan mengambilkira konsep langue, parole, language dan tanda linguistik.
4. Mengikut John R. Firth konteks adalah penting dalam sesuatu teori linguistik. Dengan contoh yang sesuai huraikan maksud konteks itu.
5. Mengikut teori Tatabahasa Hubungan (Relational Grammar) apa sebenarnya ayat pasif dalam bahasa Malaysia. Bincangkan.

6. Buat nota ringkas mengenai empat(4) perkara di bawah:
- (a) ransangan-tindakbalas;
 - (b) kerelatifan bahasa;
 - (c) bahasa sebagai organisme biologi;
 - (d) bahasa sebagai kenyataan/gejala sosial;
 - (e) sifat kekreatifan bahasa;
 - (f) kompetensi-performansi;
 - (g) maklumat lama-maklumat baru (Mazhab Praha).
7. Dalam bahasa Malaysia terdapat alternasi di antara [maso?] "masuk", [maso?kan] "masukan", [maso?ki] "masuki", dan [maso?kan] "masukkan". Farid Onn (1980) menyarankan rumus pembentukan hentian glotis bagi menjelaskan alternasi tersebut dan mencadangkan bahawa fenomena penggandaan yang terdapat pada akhir konsonan kata dasar apabila diimbuhkan dengan akhiran /-an/ dan /-i/ adalah satu rumus sinkronik yang bertahap rendah. Beliau juga mencadangkan bahawa representasi dalaman penambahan /-an/ dan /-i/ mungkin berbentuk /-?an/ dan /-?i/ bagi menjelaskan alternasi tersebut. Lagi satu cadangan lain (bukan Farid Onn) menyarankan bahawa bentuk dalaman kata-kata dasar bahasa Malaysia yang diakhiri dengan konsonan itu berbentuk konsonan geminat /-K_iK_i*/ bagi menjelaskan masalah tersebut di atas. Bincangkan secara kritis kedua-dua pendekatan tersebut.

-ooo000ooo-